



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



JABATAN BENDAHARI
ARAS 3, BLOK UTARA,
BANGUNAN CANCELORI,
JALAN UMS, 88400 KOTA KINABALU
SABAH, MALAYSIA.

Tel.: (+6088-320000) smb 200500
Faks: (+6088-320235)
E-mel: pabenums@ums.edu.my



NCOSH/CERT:2022 (Reg. No.34-09/22[01])

Ruj. Kami : UMS/BEN3.1/400-15/1/6 JILI.46 ()
Tarikh : 2 Februari 2026

SENARAI EDARAN SEPERTI DILAMPIRAN

YBhg. Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PELAKSANAAN CUKAI PERKHIDMATAN (SST) KE ATAS YURAN PENGAJIAN PELAJAR BUKAN WARGANEGARA DAN PERKHIDMATAN SEWAAN DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Malaysia Sabah telah melaksanakan Cukai Perkhidmatan (SST) ke atas perkhidmatan pendidikan dan perkhidmatan sewaan berkuatkuasa mulai 1 September 2025.
3. **Berdasarkan Garis Panduan SST yang dikemas kini pada 26 Januari 2026**, kadar Cukai Perkhidmatan (SST) bagi perkhidmatan sewaan atau pajakan yang pada peringkat awal pelaksanaannya dikenakan pada kadar **8%** telah **diberikan pengecualian sebanyak 2% kepada kadar 6% berkuatkuasa pada 1 Januari 2026**. Pengecualian kadar ini adalah susulan daripada pengumuman rasmi oleh Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, **YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim**, pada **5 Januari 2026**, bertujuan untuk membantu meringankan beban kos operasi perniagaan mikro, kecil dan sederhana (MSMEs).
4. Perkhidmatan sewaan yang meliputi semua ruang atau premis Universiti, seperti dewan, bilik seminar, bilik mesyuarat, bilik kuliah, makmal, gelanggang dan kemudahan sukan, kafeteria, gerai dan ruang niaga lain yang disewakan kepada pihak luar (kecuali kepada agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri), adalah tertakluk kepada SST pada kadar 6%. Walaubagaimanapun, perkhidmatan sewaan ke atas rumah kediaman dan asrama pelajar adalah dikecualikan daripada SST. Penyewa layak dipertimbangkan pengecualian SST sekiranya telah berdaftar dan mendapat kelulusan di bawah sistem MyPMK.
5. Perkhidmatan Pendidikan berkaitan yuran pengajian pelajar bukan warganegara adalah tidak berubah dan dikekalkan pada kadar 6%. Sementara itu, yuran pengajian pelajar tempatan adalah dikecualikan daripada Cukai Perkhidmatan (SST).
6. Untuk makluman semua, pihak Universiti akan memastikan setiap invois dan resit bayaran yang dikeluarkan kepada pelajar bukan warganegara serta penyewa ruang memaparkan butiran SST yang dikenakan dengan jelas, selaras dengan peruntukan Akta Cukai Perkhidmatan 2018.
7. Sehubungan itu, semua pihak adalah diminta untuk mengambil maklum dan memastikan kadar cukai yang dikenakan adalah selaras dengan ketetapan yang berkuat kuasa. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berkaitan pelaksanaan SST boleh diajukan kepada **Sektor Pengurusan Akaun Amanah dan Percukaian** melalui talian **088-320000 (sambungan 200505)** atau emel **benums_cukai@ums.edu.my**.



Certified to ISO9001:2008
Cert. No. AR 3088



Ruj. Kami : UMS/BEN3.1/400-15/1/6 JILI.46 ()
Tarikh : Januari 2026

Kerjasama pihak YBhg. Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan berhubung perkara di atas amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah



DATUK BADRUL HISHAM BIN ISMAIL C.A(M)
Bendahari

No. Tel : 088-320000 Samb. 200505
No. Faks : 088-320235
Alamat e-mel : benums_cukai@ums.edu.my

s.k. - Naib Canselor
- Fail

SENARAI EDARAN

YBhg. Prof. Datuk Dr. Kasim Hj Mansor, JP
Naib Canselor

YBhg. Prof. Dr. Rossita Shapawi
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

YBhg. Prof. Ir. Dr. Rosalam bin Hj. Sarbatly
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

YBhg. Prof. Dr. Raman B. Noordin
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

YBrs. Encik Luqman Ridha Anwar
Pendaftar

YBrs. Encik Zawawi Tiyunin
Ketua Pustakawan

YBrs. Encik Awang Suhaizam bin Bungso
Penasihat Undang-Undang

YBrs. Prof. Dr. Mohammad Saffree bin Jeffree
Penolong Naib Canselor (Strategik)
Pusat Pengurusan Strategik

YBrs. Prof. Dr. Coswald Stephen Sipaut @ Mohd Nasri
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) merangkap Pengarah, Pusat Kolaborasi dan Libatsama Industri

YBrs. Prof. Dr. Ag. Asri bin Ag. Ibrahim
Ketua Pegawai Digital (CDO)
Jabatan Digital UMS

YBrs. Prof. Ts. Dr. Shamsul Bahari bin Shamsudin
Pengaruh, UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL)

YBrs. Prof. Dr. Murnizam Hj. Halik
Dekan, Pusat Pengajian Pascasiswazah

YBrs. Prof. Ts. Dr. Rodeano bin Roslee
Dekan, Fakulti Sains dan Teknologi (FST)

YBrs. Prof. Dr. Asmady Idris
Dekan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

YBrs. Prof. Madya Dr. Mohd. Rahimie bin Abd. Karim
Dekan, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan

YBrs. Prof. Madya Dr. Soon Singh A/L Bicar Singh
Dekan, Fakulti Pendidikan dan Pengajian Sukan

YBrs. Prof. Madya Ir. Dr. Abu Zahrim bin Yaser
Dekan, Fakulti Kejuruteraan

YBrs. Prof. Ts. Dr. Hasmadi Mamat
Dekan, Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan

YBhg. Datuk Dr. Mohd. Yusof Hj Ibrahim
Dekan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Mohd. Hanafi bin Ahmad Hijazi
Dekan, Fakulti Komputeran dan Informatik

YBrs. Prof. Madya Dr. Geoffrey Harvey Tanakinjal
Dekan, Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan

YBrs. Prof. Dr. Abd. Hamid B. Ahmad
Dekan, Fakulti Pertanian Lestari

YBhg. Prof. Datuk Dr. Ismail Ali
Dekan, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa merangkap menjalankan fungsi Pengarah, Pusat Penyelidikan Ekonomi Biru & Keselamatan Maritim

YBrs. Prof. Madya Dr. Normah Awang Besar @ Raffie
Dekan, Fakulti Perhutanan Tropika

YBrs. Prof. Madya Dr. Zairul Anwar bin Md. Dawam
Dekan, Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTIF)

YBrs. Prof. Dr. Muhamad Suhaimi Taat
Dekan, Fakulti Pengajian Islam (FIS)

YBrs. Prof. Dr. Mohd. Dahlan Hj. A. Malek
Dekan, Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial (FPKS)

YBrs. Dr. Sarip bin Adul
Pengaruh, Pusat Islam UMS

YBrs. Prof. Madya Dr. Fiffy Hanisdah binti Saikim
Pengaruh, Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan

YBrs. Prof. Madya Dr. Ching Fui Fui @ Faihana Ching Abdullah
Pengaruh, Institut Penyelidikan Marin Borneo

YBrs. Prof. Dr. Jualang @ Azlan Abdullah bin Gansau
Pengaruh, Institut Penyelidikan Bioteknologi

YBrs. Prof. Madya Dr. Normah binti Abdul Latip
Pengaruh, Borneo Institute for Indigenous Studies (BORIIS)

YBrs. Dr. Chiew Tung Moi
Pengaruh, Confucius Institute (CI)

YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Sazmal Effendi bin Arshad
Pengaruh, Pusat Pendidikan Fleksibel Universiti Malaysia Sabah (UMSFLEC)

YBrs. ChM. Dr. Newati Wid
Pengaruh, Pusat Persediaan Sains dan Teknologi

YBrs. Prof. Madya Dr. Jurry Foo @ Jurry bt. F. Michael
Pengaruh, Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar

YBrs. Prof. Madya Dr. Malehah Mohd Noh
Pengaruh, Hospital UMS (HUMS)

YBrs. Encik Azmi bin Jumat
Pengaruh, Jabatan Hal Ehwal Pelajar

YBrs. Ir. Ts. Mohd Ari Nazrul Abd Rahman
Pengaruh, Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan

YBrs. Dr. Kamisan bin Pusiran
Pengaruh, Pusat Alumni

YBrs. Prof. Dr. Fong Soon Fook
Pengaruh, Pusat E-Pembelajaran

YBrs. Prof. Dr. Jedoi Dayou
Pengaruh, Pusat Instrumentasi dan Perkhidmatan Sains

YBrs. Ts. Dr. Ag Sufiyan bin Abd Hamid
Pengaruh, Pusat Kelestarian Libatsama Masyarakat (PKLM)

YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Carolyn Melissa Payus
Pengaruh, Pusat Kajian Bencana Alam (FST)

YBrs. Prof. Madya Dr. Darmesah Gabda
Pengaruh, Pusat Pembangunan & Kecemerlangan Akademik

YBrs. Prof. Dr. Khamisah Awang Lukman
Pengaruh, Pusat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (COSH)

YBrs. Dr. Suwaibah Zakaria
Pengaruh, Pusat Minda Lestari

YBrs. Dr. Azmi @ Amie bin Abd Majid @ Siedin
Pengaruh, Pusat Pelaburan, Endowmen dan Wakaf

YBrs. Prof. Madya Dr. Wardatul Akmam Din
Pengaruh, Pusat Pengantarabangsaan & Penglibatan Global

YBrs. Ts. Effendy Hadis
Pengaruh, Jabatan Digital UMS

YBrs. Dr. Hjh Farashazillah binti Yahya
Pengaruh, Pusat Pengurusan Data dan Kecerdasan Buatan (DARTIC)

YBrs. Prof. Dr. Awangku Hassanal Bahar bin Pengiran Bagul

Pengarah, Pusat Pengurusan
Ecocampus

YBrs. Prof. Ir. Dr. Nurmin bt. Bolong

Pengarah, Pusat Pengurusan Strategik

YBrs. Dr. Rizal Zamani Idris

Pengarah, Pusat Komunikasi Korporat

YBrs. Prof. Dr. Jumat bin Sulaiman

Pengarah, Pusat Pengurusan
Penyelidikan

YBrs. Prof. Dr. Jidon @ Adrian bin Janaun

Pengarah, Pusat Pengurusan Inovasi
dan Pengkomersialan

YBrs. Encik Ahmadi bin Nurdin

Pengarah, Pusat Sukan

YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Sidah bt Idris

Pengarah, Pusat Pembangunan Kerjaya
dan Keusahawanan (CEDeC)

YBrs. Prof. Ir. Dr. Zainal bin Zakaria

Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti

YBrs. Prof. Madya Dr. Balvinder Kaur Kler

Pengarah, Pusat Penyelidikan
Pelancongan Borneo

YBrs. Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Melvin Gan Jet Hong

Pengarah, Pusat Penyelidikan Tenaga
dan Bahan Termaju

YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Januarius Gobilik

Pengarah, Pusat Pengurusan Ecofarm

YBrs. Dr. Mohd. Hazim bin Mohd Yusop

Pengarah, Pusat Perkhidmatan dan
Penyelidikan Halal (FSMP)

YBrs. Dr. Zaiton binti Mohamad

Pengarah, Pusat Pengurusan Orang
Kurang Upaya

YBrs. Puan Stella @ Nurul Martini Gontol

Pengarah, Pusat Pengurusan Non
Residen (NR) dan Fasiliti Perumahan
Pelajar

YBrs. Prof. Dr. Patricia @ Patricia Clementina Matanjun

Pengarah, Penerbit UMS

YBrs. Prof. Madya Dr. Mohammad Pu'ad bin Bebit

Pengarah, Galeri Azman Hashim (GAH-
UMS)

YBrs. Encik Andy Lee Chen Hiung

Pengarah, Pusat Perakaunan (FPEP)

YBrs. Tuan Haji Firdaus Abdullah

Pengarah, Bahagian Pengurusan Tanah

YDH ASP/PB Massalinri bin Mohd Tahir

Menjalankan fungsi Pengarah
Merangkap Ketua Pentadbiran,
Bahagian Keselamatan Jabatan
Pendaftar

YBrs. Encik Mohd. Raffie Hj. Janau

Pengarah, Bahagian Perkhidmatan
Penyelidikan dan Inovasi (BPPI)

YBrs. Cik Hadijah binti Engson

Pengarah, Bahagian Pentadbiran dan
Governan

YBrs. Cik Norti bte Sirin

Pengarah, Bahagian Perkhidmatan
Akademik

YBrs. Encik Sirahim Abdullah

Pengarah, Bahagian Pengurusan
Sumber Manusia

YBrs. Cik Kamisah binti Husin

Pengarah, Bahagian Kepimpinan dan
Pembangunan Bakat (BKEPT)

YBrs. Encik Darwis Manainus Awang Kangit

Pengarah, Bahagian Integriti Universiti
Malaysia Sabah

YBrs. Encik Sabarudin bin Ramli

Pengarah, Pejabat Audit Dalam

YBrs. Encik Hasmi bin Hashim

Pengarah, Pejabat Canselor

YBrs. Encik Md Sazali Md Salleh

Pengarah, U-Sains

Mejar Mohd Ismail Noordin bin Mohd Yunus

Ketua Jurulatih, Pasukan Latihan
Pegawai Simpanan (PALAPES)

YDh. ASP Mohd Fairul bin Mohd Shah

Pegawai Penyelaras, Kor Sukarelawan
Siswa Polis (SUKSIS)

YBrs. LT. (PA) Hasdiee bin Abdullah

Ketua Jurulatih,
Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL. 2/2025 (Pindaan No.3)

MENTERI KEWANGAN di bawah kuasa melalui peruntukan seksyen 34(3)(a) dan 34(4), Akta Cukai Perkhidmatan 2018 mengecualikan pembayaran dan mengenakan cukai perkhidmatan bagi –

PERKHIDMATAN SEWAAN ATAU PAJAKAN

Kumpulan K, Jadual Pertama

Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018

BIL.	PENGECCUALIAN	SYARAT-SYARAT
1.	Kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri diberi pengecualian daripada mengenakan dan membayar cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan sewaan atau pajakan.	Pengecualian ini berkuat kuasa mulai 1 Julai 2025 .
2.	Pihak berkuasa tempatan (PBT) diberikan pengecualian daripada mengenakan dan pembayaran cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan sewaan atau pajakan mulai 1 Julai 2025 hingga 30 September 2025.	Pengecualian ini berkuat kuasa mulai 1 Julai 2025 .
3.	Kontrak tanpa peluang untuk dikaji semula (<i>non-reviewable contracts</i>) diberikan pengecualian daripada pembayaran cukai perkhidmatan bagi tempoh 1 Julai 2025 hingga 30 Jun 2026.	(a) Penyedia perkhidmatan adalah orang berdaftar cukai perkhidmatan; (b) Kontrak tersebut tidak mengandungi klausa semakan semula harga atau apa-apa mekanisme pelarasan nilai; (c) Kontrak dibuat secara bertulis, ditandatangani dan dimeterai duti setem oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sebelum atau pada 9 Jun 2025; (d) Kontrak dengan jelas menyatakan: (i) jenis perkhidmatan yang disediakan; (ii) nilai kontrak yang tetap; (iii) tempoh kontrak; dan



BIL.	PENGECUALIAN	SYARAT-SYARAT
		(e) Kontrak masih berkuat kuasa selepas 1 Julai 2025. Pengecualian ini berkuat kuasa mulai 1 Julai 2025.
4.	Penyewa yang berstatus Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) diberikan pengecualian cukai perkhidmatan ke atas perolehan perkhidmatan sewaan atau pajakan.	(a) Penyewa hendaklah membuat pendaftaran dan pengikraran PMKS melalui sistem MyPMK yang dibangunkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM); (b) Jualan tahunan PMKS hendaklah tidak melebihi RM1,500,000.00 berdasarkan pendapatan tahunan tahun taksiran terkini yang diikrar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN); (c) Jualan tahunan PMKS hendaklah dikemaskini setiap tahun kepada JKDM; (d) Penyewa hendaklah bertanggungjawab ke atas apa-apa maklumat yang diikrar kepada JKDM; (e) Sekiranya pengikraran yang dibuat oleh PMKS didapati tidak benar, maka pihak JKDM boleh memungut semula cukai perkhidmatan yang tidak layak dikecualikan di bawah peruntukan seksyen 34(5), Akta Cukai Perkhidmatan 2018; dan (f) Lain-lain syarat yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Kastam, Timbalan Ketua Pengarah Kastam atau Penolong Ketua Pengarah Kastam (Cukai Dalam Negeri) bagi tujuan kelancaran operasi dan kawalan. Mana-mana PMKS yang telah berdaftar melalui sistem MyPMK sebelum atau pada 31 Disember 2025, pengecualian daripada membayar cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan sewaan atau pajakan adalah berkuat kuasa mulai 1 Julai 2025.



BIL.	PENGECUALIAN	SYARAT-SYARAT
		Mana-mana PMKS berdaftar melalui sistem MyPMK mulai 1 Januari 2026, pengecualian ini berkuat kuasa mulai tarikh pendaftaran dalam sistem MyPMK.
5.	Pengecualian daripada membayar cukai diberikan kepada syarikat dalam suatu kumpulan yang menerima perkhidmatan sewaan atau pajakan daripada mana-mana syarikat lain dalam kumpulan yang sama (<i>group relief</i>), sama ada di dalam atau di luar Malaysia sehingga pindaan ke atas perundangan subsidiari diwartakan.	Rujuk LAMPIRAN A . Pengecualian ini berkuat kuasa mulai 1 Julai 2025 .
6.	Perkhidmatan sewaan atau pajakan pesawat udara dan kapal laut diberi pengecualian cukai perkhidmatan.	(a) Semua pesawat udara tidak termasuk dron. (b) Kapal laut meliputi apa-apa kapal yang berlayar atau bergerak di atas air atau di dalam air tetapi tidak termasuk <i>floating storage unit</i> (FSU) dan seumpamanya. Pengecualian ini berkuat kuasa mulai 1 Julai 2025 .
7.	Kemudahan pengecualian <i>business to business</i> (B2B) ke atas perkhidmatan sewaan atau pajakan bagi tempoh 1 Julai 2025 hingga 31 Ogos 2025 diberikan kepada penyedia perkhidmatan sewaan atau pajakan yang baharu mencapai nilai ambang dalam bulan Julai 2025 dan telah memohon pendaftaran cukai perkhidmatan sebelum atau pada 31 Ogos 2025.	(a) Tuntutan pembayaran balik (<i>refund</i>) ke atas cukai perkhidmatan yang telah diikrar dan dibayar dalam penyata SST-02 adalah dibenarkan dan hendaklah dikemukakan sebelum atau pada 30 November 2025; dan (b) Tuntutan tersebut dibuat oleh pemberi perkhidmatan sewaan atau pajakan selepas memulangkan semula amaun cukai perkhidmatan yang telah dipungut kepada penerima perkhidmatan sewaan atau pajakan. Pengecualian ini berkuat kuasa mulai 1 Julai 2025 .



BIL.	PENGECUALIAN	SYARAT-SYARAT
8.	Pengecualian cukai perkhidmatan sebanyak 2% atas kadar cukai perkhidmatan sewaan atau pajakan diberikan sehingga pindaan ke atas perundangan subsidiari diwartakan.	Pengecualian ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026 .
9.	Penyewa berstatus Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) yang baharu menubuhkan perniagaan diberikan pengecualian daripada pembayaran cukai perkhidmatan ke atas perolehan perkhidmatan sewaan atau pajakan. PMKS yang baharu menubuhkan perniagaan layak untuk menikmati layanan pengecualian cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan sewaan dan pajakan.	Pengecualian ini adalah bagi tempoh 1 tahun mulai dari tarikh pendaftaran PMKS dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau agensi yang seumpamanya di Sabah dan Sarawak tertakluk kepada syarat berikut: (a) Penyewa hendaklah membuat pendaftaran dan pengikraran PMKS melalui sistem MyPMK yang dibangunkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM); (b) PMKS yang baharu menubuhkan perniagaan hendaklah mengemukakan penyata cukai pendapatan kepada LHDN bagi melayakkannya mendapatkan pengecualian cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan sewaan atau pajakan selepas tempoh satu (1) tahun sedia ada tamat; dan (c) Mengemaskini maklumat pengisytiharan pendapatan LHDN ke dalam sistem MyPMK pada tahun berikutnya selepas tarikh pendaftaran SSM. Pengecualian ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026.



Syarat-Syarat Pelepasan Dalam Kumpulan (*Group Relief*) Diberikan Kepada Syarikat Dalam Suatu Kumpulan Yang Menerima Perkhidmatan Sewaan Atau Pajakan Daripada Mana-Mana Syarikat Lain Dalam Kumpulan Yang Sama, Sama Ada Di Dalam Atau Di Luar Malaysia

1. Jika suatu syarikat dalam suatu kumpulan syarikat memberikan mana-mana perkhidmatan sewaan atau pajakan dalam ruang (2) dalam Kumpulan K kepada mana-mana syarikat dalam kumpulan syarikat yang sama, perkhidmatan itu dikecualikan daripada pembayaran cukai perkhidmatan.
2. Suatu syarikat hendaklah dianggap sebagai mengawal suatu syarikat yang lain jika—
 - (i) syarikat pertama yang disebut memegang—
 - (a) secara langsung;
 - (b) secara tidak langsung melalui subsidiari; atau
 - (c) bersama secara langsung atau tidak langsung melalui subsidiari, lebih daripada lima puluh peratus modal berbayar yang dikeluarkan oleh syarikat kedua yang disebut; atau
 - (ii) syarikat pertama yang disebut memegang—
 - (a) secara langsung;
 - (b) secara tidak langsung melalui subsidiari; atau
 - (c) bersama secara langsung atau tidak langsung melalui subsidiari, daripada dua puluh peratus hingga lima puluh peratus modal berbayar yang dikeluarkan oleh syarikat kedua yang disebut dan syarikat pertama yang disebut mempunyai kuasa pelaksanaan untuk melantik atau memecat kesemua atau majoriti pengarah dalam lembaga pengarah dalam syarikat kedua yang disebut.



3. Saham hendaklah disifatkan sebagai tidak dipegang jika saham itu dipegang—
- (i) melalui penama;
 - (ii) dalam suatu sifat fidusiari; atau
 - (iii) menurut peruntukan pemegang debentur, persuratan amanah untuk mendapatkan debentur atau aktiviti meminjam wang.
4. Jika suatu syarikat dikawal menurut perenggan 2(i) dan (ii) oleh dua atau lebih syarikat, syarikat itu (syarikat kedua yang disebut) hendaklah dianggap sebagai dikawal oleh syarikat pertama yang disebut yang mempunyai kuasa pelaksanaan untuk melantik atau memecat kesemua atau majoriti pengarah dalam lembaga pengarah dalam syarikat kedua yang disebut.
5. Jika suatu syarikat dalam suatu kumpulan syarikat memperoleh perkhidmatan sewaan atau pajakan daripada mana-mana syarikat selain daripada orang berdaftar asing dalam kumpulan syarikat yang sama di luar Malaysia, perkhidmatan itu dikecualikan daripada pembayaran cukai perkhidmatan.
6. Jika suatu syarikat memberikan mana-mana perkhidmatan sewaan atau pajakan kepada mana-mana orang di luar kumpulan syarikat, perkhidmatan bercukai yang sama yang diberikan kepada mana-mana syarikat di luar atau di dalam kumpulan syarikat itu hendaklah menjadi perkhidmatan bercukai.
7. Walau apa pun di perenggan 6, jika suatu syarikat memberikan mana-mana perkhidmatan sewaan atau pajakan kepada orang lain di luar kumpulan syarikat, perkhidmatan sewaan atau pajakan yang diberikan kepada mana-mana syarikat di dalam kumpulan syarikat itu hendaklah dikecualikan daripada kenaan cukai perkhidmatan dengan syarat bahawa jumlah nilai perkhidmatan sewaan atau pajakan kepada mana-mana orang di luar kumpulan syarikat itu dalam tempoh 12 bulan tidak melebihi 5% daripada jumlah nilai perkhidmatan sewaan atau pajakan.



Makluman:

Dasar Cukai Perkhidmatan Bil. 2, Dasar Cukai Perkhidmatan Bil. 2 (Pindaan No. 1) dan Dasar Cukai Perkhidmatan Bil. 2 (Pindaan No. 2) adalah **dibatalkan** dan digantikan dengan Dasar Cukai Perkhidmatan Bil. 2 (Pindaan No. 3).

Penafian:

Dasar cukai perkhidmatan yang dikeluarkan ini adalah tertakluk kepada sebarang pindaan sekiranya terdapat apa-apa perubahan dasar yang berkaitan.

**BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI IBU PEJABAT
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**



NOTIS MAKLUMAN

TATACARA PENGELUARAN INVOIS DAN PENGIKRARAN PENYATA SST-02 BAGI PENGECEUALIAN CUKAI PERKHIDMATAN SEBANYAK 2% ATAS KADAR CUKAI PERKHIDMATAN SEWAAN ATAU PAJAKAN

- 1) Merujuk kepada butiran (8) Dasar Cukai Perkhidmatan Bil.2/2025 (Pindaan No.3) bertarikh 23 Januari 2026, pengecualian cukai perkhidmatan sebanyak 2% atas kadar cukai perkhidmatan sewaan atau pajakan diberikan melalui kuasa Menteri Kewangan di bawah seksyen 34(3)(a) Akta Cukai Perkhidmatan 2018 berkuat kuasa 1 Januari 2026 sehingga pindaan ke atas perundangan subsidiari diwartakan.
- 2) Bagi mekanisme pengeluaran invois, penyedia perkhidmatan sewaan atau pajakan hendaklah menyatakan pengecualian sebanyak 2% daripada kadar cukai perkhidmatan 8% ke atas nilai perkhidmatan sewaan atau pajakan yang disediakan selaras dengan peruntukan di bawah peraturan 10 (1A), Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018. Penyedia perkhidmatan **hanya dibenarkan memilih salah satu daripada kaedah** berikut:

Kaedah 1:

Perkhidmatan sewaan	:RM1,000
Cukai perkhidmatan 8%	:RM80
Pengecualian 2%	:(RM20)
Jumlah perlu dibayar	:RM1,060

Kaedah 2:

Perkhidmatan sewaan	:RM1,000
Cukai perkhidmatan 6%	:RM60
Jumlah perlu dibayar	:RM1,060

Nota: Pengecualian 2% cukai perkhidmatan (kadar cukai) dengan nilai RM20

- 3) Bagi tujuan pengikraran dalam penyata SST-02, penyedia perkhidmatan hendaklah mengikrarkan cukai perkhidmatan ke atas nilai perkhidmatan sewaan pada kadar cukai 6%. Seterusnya, butiran nilai perkhidmatan yang dikecualikan hendaklah dinyatakan dan diisi di ruangan 18(c)(3) dalam penyata SST-02.

Contoh pengikraran penyata SST-02 adalah seperti berikut:

BIL	RUANGAN	MAKLUMAT NILAI (RM)	NOTA
1.	(10) – Nilai Perkhidmatan Bercukai	1,000.00	Nilai perkhidmatan sewaan yang disediakan.
2.	(11)(c) – Jumlah nilai jualan dan cukai yang kena dibayar mengikut kadar cukai (Perkhidmatan bercukai berkadar 6%)	1,000.00	Pilih cukai perkhidmatan pada kadar 6%
3.	18(c)(3) – Nilai Perkhidmatan Bercukai yang dikecualikan (lain-lain perkhidmatan)	1,000.00	Pengecualian kadar cukai 2% daripada nilai perkhidmatan sewaan yang disediakan.

Nota:

Nilai perkhidmatan yang dikecualikan dan perlu diikrar adalah sama dengan nilai perkhidmatan sewaan yang tertakluk kepada cukai sewaan.

**BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI IBU PEJABAT
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

27 Januari 2026